

D827

U B924 BAH
MAHATHIR - BPR

ALOR SETAR, 26 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, SEMUA PIHAK PERLU MENERIMA DAN MENGHORMATI TINDAKAN BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) MENYIASAT NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYA, DR SYED HUSSEIN ALATAS.

KATANYA, SEBAGAI SEBUAH BADAN BEBAS, BPR BERHAK MENGAMBIL TINDAKAN SEDEMIKIAN MENGIKUT BUDI BICARANYA.

+KALAU KITA NAK IA BEBAS, KITA TAK BOLEH CAMPUR TANGAN DENGAN URUSANNYA,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SEMASA MENGHADIRI JAMUAN KESYUKURAN PELADANG MADA (LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA) DI PERKARANGAN PEJABAT PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN H-II MADA DI KEPALA BATAS, DEKAT SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS TINDAKAN BPR MEMERIKSA DAN MENGAMBIL BEBERAPA DOKUMEN DARI KEDIAMAN DR SYED HUSSEIN BARU-BARU INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SEMEMANGNYA TIDAK MAHU MELIHAT PERISTIWA SEUMPAMA ITU BERLAKU DEMI MENJAGA KEPENTINGAN POLITIK KERAJAAN, TETAPI SEBAGAI MENGHORMATI KEBEBASAN BPR, KERAJAAN TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA.

BELIAU BERKATA, EKORAN PERISTIWA ITU IMEJ KERAJAAN DAN MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM (YANG MELANTIK DR SYED HUSSEIN SEBAGAI NAIB-CANSELOR) JUGA TELAH TERJEJAS. -- LAGI.
1939MST 26 05 90